



GEREJA HOLY FAMILY, KAJANG
 11, JALAN GEREJA, 43000 KAJANG
 Tel: 03-87387404/ 03-87331154
<http://www.hfckajang.org.my>
 email:holyfamily@archkl.org



Scan for updates

Waktu Urusan Pejabat Paroki
 Isnin - Jumaat – 9.00PG - 5.00PTG
 Sabtu - 9.00PG - 1.00PTG
 Ahad & Cuti Umum - TUTUP

PADERI PAROKI : REV.FR.MICHAEL CHUA
PEMBANTU PADERI : REV.FR.PHILIP CHUA
PEMBANTU PADERI : REV.FR.BONAVENTURE

MINISTRI KAMPUS HFK (UNIVERSITI/KOLEJ)
SR. MARGARET PEREIRA RGS
marge.0190705@gmail.com

MISA DI PAROKI

Hari	Tarikh	Masa	Aktiviti	Deskripsi
Sabtu	21 Sep	7.00am 5.30pm 6.00pm	Misa Bah. Inggeris Novena untuk Bonda Penolong Abadi Misa Bah. Inggeris	Pesta St Matthew, Rasul dan Peningjil
Ahad	22 Sep	7.00am 9.30am 11.30am 1.30pm	Misa Bah. Tamil Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Mandarin Misa Bah. Malaysia	Hari Minggu Biasa ke-25
Isnin	23 Sep	7.00am	Misa Bah. Inggeris	St Pius (m)
Selasa	24 Sep	7.00am	Misa Bah. Inggeris	Liturgi Harian
Rabu	25 Sep	7.00am	Misa Bah. Inggeris	Liturgi Harian
Khamis	26 Sep	7.00am	Misa Bah. Inggeris	SS Cosmas and Damian (m)
Jumaat	27 Sep	7.00am	Misa Bah. Inggeris	St Vincent de Paul (m)
Sabtu	28 Sep	11.00am 5.30pm 6.00pm	Misa Komuniti Ulangtahn Perkahwinan Novena untuk Bonda Penolong Abadi Misa Bah. Inggeris	St. Wenceslaus (m)
Ahad	29 Sep	7.00am 9.30am 11.30am 1.30pm	Misa Bah. Tamil Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Mandarin Misa Bah. Malaysia	Hari Migran dan Pelarian Sedunia

RCIA – Misa untuk Umat Baru Dibaptis (Neophytes) 2024

Misa untuk Neophytes adalah jemputan dari Uskup Agung kepada mereka yang baru dibaptis untuk merayakan Misa bersama-sama. Mereka yang baru dibaptis (pada tahun ini atau 2 tahun yang lepas) bersama dengan keluarga mereka adalah dijemput untuk menyertai dalam Misa ini. Maklumat lanjut seperti beriku:

Tarikh : 28hb September 2024, Sabtu

Masa: 10.00 pagi

Tempat: Gereja St. Francis Xavier, Petaling Jaya.

Msgr. Patrick Boudville, VG, akan merayakan Misa ini. Fellowship akan diadakan selepas Misa dan dijangka berakhir sekitar jam 12.30 tghari.

RCIA
Mass for the Neophytes
 For those baptised at Easter 2024*

FAMILY MEMBERS AND FRIENDS ARE WELCOME TO JOIN!

Main celebrant
 Most Rev Julian Leow Beng Kim
 Archbishop of Kuala Lumpur

Date: 28 Sept, 2024 (Saturday)
Time: 10.00am - 12.30pm
 Church of St. Francis Xavier,
 Petaling Jaya, Selangor
 Mass will be followed by a fellowship meal

Contact your parish RCIA Team for more information


*Those baptised in previous years are welcome too

BERITA PAROKI

Hari Minggu Migran

Gereja Holy Family bersyukur meraikan kepelbagaian komuniti migran kita yang bersemangat dan telah memeriahkan kehidupan umat kita.

Kita akan merayakan Misa kesyukuran pada **29/9, jam 9.30pg** yang akan Dianimasikan oleh wakil dari pelbagai komuniti dususuli dengan fellowship di dewan Gereja. Datanglah dan sertai mereka mensyukuri nikmat Tuhan yang berlimpah yang diterima serta berdoa untuk bimbingan dan inspirasi yang berterusan selama bertahun-tahun untuk datang.



"THE GO MISSION JOURNEY" MISI BULAN OKTOBER, 2024

AMNEC, Misi Penginjilan Baharu Keuskupan Agung Kuala Lumpur untuk Kristus, dengan kerjasama Persatuan Misi Kepausan (PMS) akan menganjurkan aktiviti ziarah ke lima (5) buah Paroki di bawah Keuskupan Kuala Lumpur iaitu Gereja St. Theresa, Nilai (1 Okt), Gereja St. Thomas, Kuantan (12-13 Okt), Gereja Sts. Peter and Paul, Banting (19 Okt), Gereja The Risen Christ, Kuala Lumpur (26 Okt) dan Gereja Our Lady of Guadalupe, Puchong (31 Okt), untuk mewujudkan kesedaran menjadi Misi.


Untuk pendaftaran, sila lawati kaunter kami di book barrow selepas semua Misa hujung minggu atau hubungi Ms. Mendeep Kaur @ 019-2249601/ Ms. Niramala @ 01118580377.

Pengangkutan: Disediakan (Bayaran pengangkutan akan dimaklumkan kemudian)

Ministri Kateketikal

1) Memandangkan terdapat peningkatan kanak-kanak yang menyertai kelas Sekolah Minggu, Menteri Kateketikal dengan ini sedang mencari lebih ramai Katekis untuk semua peringkat bahasa, (English, Mandarin & Bahasa Malaysia) untuk membantu dalam memupuk iman Katolik bagi generasi muda. Syarat adalah:

- 20 dan tahun keatas
- Boleh mengendalikan kelas dalam talian melalui Google meet atau Zoom dan kelas fizikal..
- Mengamalkan ajaran Katolik dengan pengetahuan yang baik tentang Iman Katolik



2. Menteri Kateketikal telah membuka pendaftaran tahun 2025 untuk pelajar BAHARU bagi peringkat Jr 1 (berumur 7 tahun) sahaja.

Ibu bapa boleh mendaftarkan anak anda dengan menghubungi Penyelaras Bahasa masing-masing: Angela Ong (Eng) 012-6172059, **Sarah Karmila (BM)- 016 -2111363**, Jesilia (Tamil) - 017- 9965380, Magdalene Ng (Mandarin) - 012 – 2585343, Constance - 013 - 3843933 (Kelas Keperluan Khas) atau mengisi borang melalui https://bit.ly/2025_HFK_SunSchReg

KURSUS PEMBERKATAN PERKAHWINAN (BM) -Konvalidasi Perkahwinan

Ministri Kehidupan Keluarga Kesukupan akan menganjurkan Konvalidasi Perkahwinan dalam Bah. Malaysia iaitu:

Tarikh: 28 September 2024, Sabtu

Masa: 7.30 pagi – 6.00 petang

Tempat: Gereja Christ The Light, Desa Jaya

Hubungi : Laura Joseph (0122784965) adminfamilylife@archkl.org atau

Ricky Adres (018-2413361) & Monica Mawas (010-2450231) ricma.adres43@gmail.com

Sumbangan: RM60.00/pasangan

Tarikh tutup pendaftaran: 23/9/2024, (Isnin)

Misa bagi Ulangtahn Perkahwinan.

Peringatan untuk mereka yang telah mendaftar untuk Misa Ulang Tahun Perkahwinan dan makan tengah hari selepas itu - Misa akan disambut pada **28 September 2024@ 11am**. Bagi mereka yang berminat, gambar berkumpul semua pasangan suami isteri akan diambil sebelum Misa pada jam 10.30 pagi. Pasangan yang mencapai ulangtahn penting dijemput untuk mengambil bahagian dalam perarakan bersama-sama dengan paderi dan pelayan Altar pada permulaan Misa. Sijil Ulangtahn Perkahwinan akan diberikan kepada para pasangan di pintu masuk dewan sebelum makan tengahari. Beberapa "item" yang menarik disediakan semasa makan tengah hari.



TERIMA KASIH ATAS
SUMBANGAN ANDA:
14/9 & 15/9

Pungutan Hujung Minggu
RM 13, 433.00

Thank You
FOR
GIVING
GENEROUSLY